

**Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-Imam (Khatib)
Masjid Kariah Negeri Pahang Peringkat Daerah Bentong Tahun 2023**



BENTONG, 24 Mei 2023 : Bahagian Rujukan Fatwa Jabatan Mufti Negeri Pahang telah menganjurkan program Kursus Kemahiran Ilmu Kepada Imam-Imam (Khatib) Masjid Daerah Bentong di Dewan Kuliyah Masjid Sultan Haji Ahmad Shah, Bentong pada hari ini.

Pengisian program ini telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Dr. Hasbullah Bin Mohammad Timbalan Pengarah Masjid Sultan Haji Ahmad Shah Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kuantan Pahang Darul Makmur (Panel Penulis Khutbah Negeri Pahang) bagi memberi kefahaman dan pendedahan kepada para peserta yang hadir mengenai teknik-teknik dan cara-cara menulis khutbah yang berkualiti dan menarik perhatian ketika dibacakan kepada para jamaah.

Majlis telah dirasmikan oleh Sahibul Fadhilah Timbalan Mufti, Dato' Haji Badli Shah bin Haji Alauddin. Terima kasih diucapkan kepada para peserta dan urusetia program yang diwakili Jabatan Mufti Negeri Pahang Al-Fadhil Ustaz Shaharuddin bin Haji Muhammad Nor (Ketua Penolong Mufti Bahagian Rujukan Fatwa), Ustaz Muhammad Hasnul Hakim bin Idrus, Ustaz Muhammad Fakhri Hasif bin Roslan serta Ustaz Muhammad IzzulHazim bin Abdul Aziz dengan kerjasama Pejabat Agama Islam Daerah Al-Fadhil Tuan Haji Ahmad Zaharuddin bin Mohd. Alias, Qadhi Daerah Bentong yang hadir ke program ini.